

LEAD-MAHATHIR-UMNO (GANTI BERITA B929) +++

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SONGGUPUN UMNO MERUPAKAN MILIK SEMUA ORANG TETAPI TIDAK ADA SESIAPAPUN YANG BEMAK MEMUSHAKANNYA KERANA KEINGINAN PERIBADI.

DALAM HUBUNGAN INI TRADISI PARTI PERLU DIPERTAHAN, TAMBAHNYA DALAM SATU TEMURAMAN DENGAN BERNAMA DI SINI SEMALAM.

KANDUNGAN SEPENYUANYA TEMURAMAN ITU DISIARKAN BERASINGAN.

PERDANA MENTERI DITANYA SAMA ADA CADANGANNYA SUPAYA DIKEKALKAN TRADISI ADA KAITAN DENGAN RASA BINGBANGNYA TERHADAP MASA DEPAN PARTI ITU MEMANDANGKAN PEREBUTAN UNTUK BERKUASA DALAM PARTI ITU SEKARANG.

KATANYA) MEMANDANGKAN AMALAN TRADISI YANG DIBUAT MENGHASILKAN KEKUATAN DALAM UMNO HARI INI, SESAORANG ITU TIDAK SEHARUSNYA MENGENEPIKAN TRADISI SEMATA-MATA KERANA IA SATU TRADISI LAPUK, SATU TRADISI YANG BERFAEDAH PATUT DIKEKALKAN. +

-- LAGI 1736/LK

LEAD MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR +++

MENGENAI PERTANDINGAN TIGA PENJURU BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN MINGGU INI ANTARA DATUK MUSA HITAM, MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HANZAH DAN BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HARUN IDRIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MENGULANGI PENDAPATNYA MENGENAI PERKARA ITU KERANA BELIAU TELAH PUN MENERANGKANNYA DENGAN JELAS BEBERAPA KALI.

BAGAIMANAPUN, APABILA DITEKANKAN SAMA ADA KENYATAAN YANG DIBUATNYA SEMASA PERHIMPUNAN KEUNG UMNO TAHUN LALU BAHAWA BELIAU DAN DATUK MUSA DAPAT BEKERJA DENGAN BAIK BERMAKNA SUKAR BAGINYA UNTUK BEKERJA DENGAN ORANG LAIN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN, BELIAU MENJAWAB:

"TUNKU ABDUL RAHMAN (BEKAS PERDANA MENTERI) PERNAH BERKATA ADALAH LEBIH BAIK BEKERJA DENGAN ORANG JAHAT YANG KITA KENAL DARIPADA ORANG BAIK YANG KITA TIDAK KENAL. +

-- LAGI 1808/LK

LEAD MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG CADANGAN SETENGAH ANGGOTA UMNO BAHAWA ADALAH LEBIH BAIK BAGI TENGGU RAZALEIGH BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN BAGI MEMBOLEHKAN DATUK MUSA MENGEKALKAN JAWATANNYA KERANA KEDUA-DUA ADALAH PENEMPIN BERKEBOLEHAN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA ITU BOLEH DIJADIKAN SATU JALAN KELUAR.

BAGAIMANAPUN, KERANA TENGGU RAZALEIGH TIDAK BERTANDING BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN, ITU TIDAK LAGI MERUPAKAN SATU PENYELESAIAN.

"ADALAH JELAS SELEPAS APA YANG BERLAKU DALAM PEMILINAN TIMBALAN PRESIDEN YANG LALU BAHAWA KITA DAPAT MEMBERI TEMPAT KEPADA DUA ORANG TETAPI TIDAK BAGI SATU KEMUSI," KATANYA.

-- LAGI 1820/LK

LEAD MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI ALASAN DATUK HARUM BAHAWA TUJUANNYA BERTANDINGIALAH UNTUK MENYATUKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG KINI BERPECAH AKIBAT PERTANDINGAN TAHUN 1981, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ITU TIDAK MERUPAKAN SEBAB TUNGGAL DATUK HARUM MEMBUAT KEPUTUSAN.

+SELAIN DARIPADA ITU KITA TIDAK HARUS LUPA BELIAU JUGA BERTANDING KERANA BELIAU TIDAK PUAS HATI DENGAN PUCUK PIMPINAN SEKARANG,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENSIFATKAN SEBAGAI +TIDAK PERLU+ ARAH-HALUAN KEMPERN UNTUK JAWATAN-JAWATAN PARTI SEKARANG DENGAN BERBAGAI TEKTIK TERMASUK TEKANAN DIGUNAKAN.

+TEKANAN-TEKANAN ATAU PERHIMPUNAN BERPUAK-PUAK DAN CUBA MEMBAWA SEMANGAT KENEGERIAN UNTUK DIRI SENDIRI DAN ORANG LAIN TIDAK BOLEH DATANG KE NEGERI MEREKA DAN MENGGUNAKAN TEKTIK-TEKTIK PAKSAAN, PADA PENDAPAT SAYA ADALAH TIDAK BAIK.+

+UMPMANYA JIKA TERDAPAT SEBUAH NEGERI YANG TIDAK BERANI MENYATAKAN SOKONGAN UNTUK ORANG LAIN MELAINKAN ORANG YERTENTU, SUDAH TENTU IA SATU PERKARA YANG KURANG BAIK. MANUSIA HARUS BEBAS UNTUK MENGELUARKAN PERASAANNYA.+

MENGENAI PENGGUNAAN VIDEO, KAD-KAD NAMA, BUKU-BUKU, RISALAH-RISALAH DAN BUKU-BUKU KECIL, BELIAU BERKATA:

+SAYA FIKIR TIDAK PERLU. MERUPAKAN SATU ARAH-HALUAN YANG KURANG BAIK. IA MERUPAKAN SATU ARAH-HALUAN YANG AKAN MEMBAWA KEPADA PENYALAHGUNAAN KUASA, MENYALAHGUMA WANG,+

--LAGI 1910/PA

LEAD MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

+APA YANG KITA LIHAT SEKARANG ADALAH KECIL. JIKA ARAH-HALUAN INI TIDAK DESEKAT, KEPAHITAN PERTANDINGAN ITU SUDAH TENTU AKAN MEMUSNAHKAN PARTI. IA ADALAH ARAH-HALUAN YANG TIDAK SIHAT,+ TAMBAHNYA.

MENINGAT KEMBALI PROSES YANG TELAH DI LALUI DALAM TAHUN 1975 ATAU 1976 PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA TERDAPAT PERUBAHAN YANG KETARA SEKARANG DALAM CARA BERKEMPERN UNTUK JAWATAN-JAWATAN DALAM UMNO.

+DALAM INGATAN SAYA, APABILA SAYA BERTANDING UNTUK JAWATAN MAIB PRESIDEN, SAYA TIDAK PERLU BERKEMPERN SAMA SEKALI. SAYA TIDAK MEMERBITKAN SEBARANG MANIFESTO, SAYA TIDAK MEMBERI APA-APA KEPADA ORANG LAIN TETAPI SAYA BERJAYA,+ KATANYA.

+MEREKA YANG BERTANDING MENENTANG SAYA ATAU YANG BERTANDING UNTUK JAWATAN YANG SAMA, HANYA MENJALANKAN SEDIKIT KEMPERN,+ TAMBAHNYA.

DALAM KUBUNGAN INI DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA KEMPERN UNTUK JAWATAN-JAWATAN DALAM UMNO SEKARANG TELAH MENJADI KETERLALUAN.

+IA TELAH MEMASUKI SATU PERINGKAT YANG NAMA TUHAN JUGA DISERU SUPAYA MENOLONG DALAM USAHA UNTUK MENANG. SAYA FIKIR INI TIDAK BETUL,+ KATANYA.--BERNAMA 1930/PA